

BAB V

PENUTUP

5.1 Ringkasan Akhir.

Setelah diperbincangkan tentang sikap masyarakat Cina terhadap kepimpinan dan perjuangan PAS secara menyeluruh , yang berdasarkan kepada jawaban-jawaban yang diberikan oleh responden-responden melalui borang kajiselidik yang diedarkan oleh penulis ; didapati bahawa sebahagian besar daripada masyarakat Cina di Kuala Lumpur masih lagi mempunyai tanggapan yang negatif terhadap PAS. Walaupun penulis hanya dapat menyoal-selidik seramai 50 orang masyarakat Cina sahaja daripada jumlah keseluruhannya seramai 567,726 orang (Bincian penduduk: Jabatan Perangkaan Malaysia , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1986) tetapi iaanya dapat dijadikan satu 'generalisasi' bagi menggambarkan pandangan masyarakat Cina terhadap PAS secara keseluruhannya.

Pandangan-pandangan negatif masyarakat Cina terhadap PAS, khasnya dari segi kepimpinan dan perjuangan PAS itu sendiri , boleh dimanifestasikan juga sebagai pandangan negatif mereka terhadap agama Islam . Oleh kerana Islam dianggap oleh masyarakat Cina (non-muslim) sebagai

satu agama yang sempit dan menyekat kebebasan agama-agama lain... dan seharang pertubuhan atau individu-individu yang memperkatakan tentang Islam akan dianggap oleh sebahagian besar masyarakat Cina sebagai ekstrimis dan pelampau agama. Disebabkan PAS memperjuangkan Islam dan perlakuan syariat di negara ini , maka PAS tidak mendapat tempat di hati dan sarubari masyarakat Cina.

Sungguhpun begitu terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mengapa masyarakat Cina menolak perjuangan PAS , tidak seperti UMNO yang diterima oleh masyarakat Cina dan India (MCA , GERAKAN dan MIC) sebagai satu parti atau pertubuhan yang memperjuangkan kepentingan semua kaum dan agama.

Diantara faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut :

- a) Terdapat dua parti politik Melayu yang terbesar dan berpengaruh di negara ini , iaitu UMNO dan PAS. Oleh kerana UMNO telah mewujudkan persefahaman dengan MCA dan MIC (PERIKATAN) sejak dari merdeka lagi , maka masyarakat Cina lebih menerima cara dan corak perjuangan UMNO dari PAS . Tambahan pula PAS tidak pernah berjaya membentuk satu pakatan atau persefahaman dengan mana-mana parti politik pembangkang yang bukan Islam .

b) Kurangnya ketekunan di kalangan para pemimpin tertinggi PAS di peringkat Pusat. Walaupun PAS berjaya melahirkan kepimpinan ulamak dalam organisasinya , namun kebolehan para pemimpinnya yang bergelar ulamak adalah agak terbatas . Sejumlah daripada mereka kurang mampu dalam soal-soal pentadbiran , perkembangan ekonomi dan politik antarabangsa dan juga dari segi kemasyarakatan. Tambahan pula PAS sendiri boleh dikatakan kekurangan tenaga-tenaga profesional dan teknokrat .

c) PAS tidak mempunyai institusi ekonomi yang boleh dibanggakan atau pun sekurang-kurangnya satu perusahaan yang boleh membantu ahli-ahlinya di dalam menjalankan urusan perniagaan dengan bangsa-bangsa asing. Oleh kerana masyarakat Cina mempunyai budaya bermiaga dan berdagang sejak dari dahulu lagi , maka mereka kurang yakin dengan PAS untuk memajukan ekonomi negara dan menjamin masa depan masyarakat Cina di dalam bidang perniagaan di negara ini.

d) Perlaksanaan undang-undang Islam jika PAS menerintah negara ini .
Oleh kerana masyarakat Cina (non-muslim) kurang diberikan pendedahan dan penjelasan sebenar tentang perlaksanaan undang-undang Islam oleh PAS , maka mereka beranggapan bahawa undang-undang Islam itu akan menyekat kebebasan agama-agama lain dan dianggap sebagai zlim dan kejam seperti hukum potong tangan (Curi) dan rejam bagi kesalahan zina.

e) Para pemimpin PAS lebih banyak memperkatakan tentang keburukan-keburukan dan kelebihan parti pemerintah tanpa melihat dan memperbetulkan kelebihan-kelebihan yang ada di dalam PAS itu sendiri. Di samping itu juga PAS lebih banyak mengalih perhatianannya dengan menjawab isu-isu dan tuduhan-tuduhan oleh pihak parti pemerintan. Ini menyebabkan masyarakat non-muslim tidak nampak kerja-kerja yang dilakukan oleh PAS . Timbulah anggapan dari mereka bahwa para pemimpin PAS hanya banyak bercakap dari pada bekerja .

f) Tuduhan-tuduhan liar yang dilemparkan oleh parti pemerintah terhadap PAS . Ungkapan-ungkapan seperti PAS lebih bahaya dari komunis , PAS sebagai pelampau agama dan bermacam-macam lagi gambaran salah yang dilemparkan oleh para pemimpin dari parti pemerintah telah menyebabkan masyarakat non-muslim merasa takut untuk mendekati PAS dan sering mencurigai apa yang diperkirakan oleh para pemimpin PAS.

g) PAS tidak mempunyai sumber keuangan yang kukuh untuk menggerakkan jentera-jentera partinya . Ini menyebabkan usaha-usaha PAS untuk memberi penerangan kepada masyarakat non-muslim tentang dasar-dasar perjuangannya agak terbantut terutamanya dari segi penyebaran risalah-risalah melalui lujnah Penerangannya . Sejak ini PAS hanya menjadikan Harakah sebagai lidah resminya.

Ke semua faktor-faktor di atas adalah berdasarkan kepada kaji-jelidik dan observasi yang dijalankan oleh penulis di sepanjang penyelidikan.

5.2 Saranen-Saranan.

Bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dalam organisasi PAS dan juga sikap para pemimpinnya agar masyarakat non-muslim lebih bersikap terbuka terhadap PAS , maka di sini penulis akan memberikan beberapa saranan yang dirasakan amat perlu.

Antara saranan-saranan yang dirasakan penting dan wajar untuk dilataran kepada PAS adalah seperti berikut :

- a) PAS haruslah mengubah cara pendekatan dakwah di dalam menyampaikan mesaj Islam di kalangan masyarakat Cina (non-muslim). Ini adalah kerana sebelum ini PAS lebih banyak membicaraskan tentang masalah perlaksanaan hukum-hukum Islam seperti kesalahan mencuri, berzina dan masalah riba. Sebaik-baiknya PAS cubalah mengemukakan tentang perkara-perkara yang menyentuh persoalan hak-hak asasi manusia di dalam perumpamaan Islam yang mempunyai kesamaan-kesamaan dengan lain-lain agama. Pendekatan yang demikian dapat

menarik minat masyarakat non-muslim terhadap PAS kerana kebanyak-an daripada agama di dunia ini masing-masing memperjuangkan hak-hak asasi manusia.

- b) **Lujnah Hal Ehwal Islam** bukan Islam yang dibentuk oleh PAS melalui ini-siatif Yang DiPertuaanya baru-baru ini haruslah digerakkan secara bersungguh-sungguh , tidak sebagaimana kewujudan CCC terdahulu dan pada ini yang boleh dikatakan 'mati segan hiduppun tak mahu' .

Lujnah ini amat penting kerana ia boleh dijadikan sebagai media dakwah bagi PAS untuk menyeru masyarakat non-muslim agar menerima Islam sebagaimana kewujudan PERKIM yang telah banyak mengislam-kan masyarakat non-muslim di negara kita.

- c) PAS perlu menubuhkan satu unit ataupun Lujnah Penyelidikan yang ber-fungsi untuk menjalankan penyelidikan-penyelidikan ilmiah . Lujnah Penyelidikan ini adalah amat penting bagi sesuatu organisasi kerana ia boleh digunakan bagi mengkaji kelemahan-kelemahan dan kekuatan-kekuatan yang ada pada pihak lawan (musuh-musuh Islam). Di samping itu PAS boleh mengetahui sedikit sebanyak tentang reaksi masyarakat non-muslim terhadap perjuangan PAS dari semasa ke semasa .

- d) Oleh kerana PAS sangat lemah dalam bidang ekonomi , maka perlu bagi PAS menubuhkan satu syarikat perniagaan ataupun 'holding' yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup orang-orang Melayu yang ber-naung di bawah PAS . Kekuatan ekonomi itu adalah penting bagi

sesuatu organisasi untuk mengurusi krisis politik . Secara tidak langsung masyarakat Cina (non-muslim) akan melihat PAS sebagai sebuah parti yang kurang dari segi ekonominya . Ini kerana budaya masyarakat Cina adalah bermiaga dan PAS boleh menjalinkan hubungan secara tidak formal dengan masyarakat Cina melalui perniagaan yang besar-besar. Di sinilah PAS boleh memainkan peranannya.

- e) Para penimipin PAS seharusnya cuba menguasai banasa Inggeris untuk memudahkannya menerangkan tentang Islam di kalangan masyarakat cina yang berpendidikan tinggi (intelek) . Begitu juga dengan penguasaan Bahasa Cina . Sudah sampai masanya PAS melatih tenaga-tebaganya yang khusus bagi memberikan penerangan kepada masyarakat Cina dengan menggunakan Bahasa Cina . Ini amat penting bagi menarik minat mereka yang tidak menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dengan cara begini segala fakta yang disampaikan oleh PAS tidak akan mudah dislewengkan . Begitu juga dengan penerbitan risalah-risalah ataupun majalah dalam bahasa Cina dan Inggeris .
- f) PAS seharusnya membentuk satu Kem Latihan Kepimpinan sebagaimana yang telah diwujudkan oleh UMNO (Biro Tata Negara) . Kem Latihan Kepimpinan ini adalah perlu bagi melatih para petugas dan golongan muda yang bakal mewarisi kepimpinan PAS untuk cидudankan dengan cara-cara pengendalian organisasi sahaja ada di peringkat pusat, negeri maupun kawasan. Ini dapat memperkemaskan lagi jentera-jentera

parti di dalam usaha-usahanya PAS memperkenalkan partinya di kalangan masyarakat non-muslim. Perlu juga diselitkan dalam program kepimpinan ini tentang cara-cara menerangkan dasar-dasar PAS dengan lebih praktikal, berkesan dan diterima oleh umum.

- ii) Para pemimpin PAS juga seharusnya menjauhkan sifat-sifat yang agak keterlaluan seperti memaki-hamun, mengkafirkan orang; dari memburuk-burukkan peribadi seseorang di dalam kempen-kempen dan ceramah-ceramahnya. Perkara seperti ini sepatutnya dielektron agar masyarakat non-muslim tidak merasa sensitif dan bagi mengelakkan perlakunya salah tanggapan mereka terhadap moral para pemimpin PAS dan Islam secara keseluruhannya.

Demikianlah beberapa saranan penting yang dapat diketengahkan oleh penulis kepada PAS, khasnya para pemimpin tertingginya bagi memperbaiki segala kelemahan yang ada yang mungkin tidak disedari dan disengajakan oleh PAS.

